



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 4 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUBSIDI, JAMINAN MAKANAN KEUTAMAAN KERAJAAN SETERUSNYA, KATA AHLI EKONOMI, MALAYSIA MSN -ONLINE	LAIN-LAIN
2.	RUGI RM10,000 TIDAK PATAH SEMANGAT USAHAWAN CILI BERJAYA, DALAM NEGERI, UM -35	
3.	BERJALAN JAUH, PULANG HAMPA, LOKAL, HM -27	
4.	TERPAKSA CATU PENJUALAN TELUR, LOKAL, HM -27	
5.	JUALAN TELUR TERPAKSA 'DICATU', NASIONAL, BH -26	
6.	KRISIS BEKALAN TELUR SEMAKIN SERIUS, NEGARA, KOSMO -16	
7.	TELUR PECAH JADI BURUAN TAUKE KEK, NEGARA, KOSMO -16	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2022	MALAYSIA MSN	ONLINE	

Subsidi, jaminan makanan keutamaan kerajaan seterusnya, kata ahli ekonomi

PETALING JAYA: Kerajaan selepas ini perlu meneruskan usaha kerajaan terdahulu bagi mengurangkan kos kehidupan dan mengukuhkan jaminan makanan, kata ahli ekonomi.



Dalam Bajet 2023, MAFI diberi peruntukan RM1.8 bilion khusus untuk subsidi dan insentif bagi industri beras dan perikanan. © Provided by Free Malaysia Today

Pada Julai, Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob berkata, Malaysia tahun ini akan membelanjakan jumlah tertinggi dalam sejarah iaitu RM77 bilion, lebih dua kali ganda peruntukan asal sebanyak RM31 bilion.

Cabaran seperti wabak Covid-19, perubahan iklim dan kesan serangan Rusia terhadap Ukraine malah meletakkan lebih banyak tekanan terhadap jaminan makanan negara.

Sebagai respons, kerajaan telah memperkenalkan harga siling fleksibel yang berubah mengikut faktor harga input dan skim pembiayaan bagi petani bernilai RM1 bilion.

“Tidak diragui bahawa subsidi RM77 bilion itu penting bagi membantu rakyat kerana masih ramai yang bergelut (selepas pandemik Covid-19).

“Ia tetap diperlukan (walaupun) masih ada ruang untuk pembaikan dari segi subsidi yang lebih tersasar,” kata Barjoyai Bardai daripada Universiti Tun Abdul Razak kepada FMT.

Barjoyai berkata, beliau berharap kerajaan seterusnya akan meneruskan usaha kerajaan terdahulu, dengan perancangan jangka sederhana dan panjang bagi memacu jaminan makanan serta mengurangkan kebergantungan terhadap import.

Dalam Bajet 2023, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diperuntukkan RM1.8 bilion khusus untuk subsidi dan insentif bagi industri beras serta perikanan.

Bagi meningkatkan pengeluaran makanan, Bajet 2023 turut merangkumi perancangan menggunakan sehingga 800 ekar (324ha) tanah terbiar milik Felda, Felcra, Risda dan agensi di bawah MAFI, untuk tanaman makanan.

Profesor ekonomi di Universiti Sunway, Yeah Kim Leng berkata, jaminan makanan dan subsidi perlu kekal sebagai antara perkara paling diutamakan negara ini, khususnya memandangkan kesan wabak Covid-19, risiko geopolitik, dan perubahan iklim.

Beliau senada dengan Barjoyai menyokong lebih banyak subsidi bersasar supaya lebih banyak sumber boleh disalurkan ke arah golongan yang paling memerlukannya.

“Kerajaan seterusnya dijangka meneruskan bukan saja pengukuhan jaminan makanan dan rasionalisasi subsidi, malah juga kesihatan awam dan keselamatan sosial,” katanya.

“Golongan miskin dan lemah mengalami kesan teruk akibat wabak dan inflasi yang semakin meningkat, (dan) subsidi yang menyasarkan kumpulan berkenaan penting untuk membantu dalam menghadapi kos sara hidup tinggi serta jurang ketaksamaan.”

4/11/2022

UTUSN

DALAM

S\$

MALAYSIA

NEGERI

Rugi RM10,000 tidak patah semangat usahawan cili berjaya

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**
TENGGU YUSOFF

utusanews@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Dua pemuda menjadikan kegagalan mengusahakan tanaman cili fertigasi sebelum ini untuk bangkit sebagai usahawan berjaya dalam bidang pertanian.

Mohamad Nafis Ahmad, 29, dan Wan Mohammad Afiq Wan Zainalabidin, 22, mengalami kerugian lebih RM10,000 ketika pertama kali memulakan tanaman cili pada 2020.

Wan Mohammad Nafis yang juga bekas jurujual kereta berkata, perusahaan itu dijalankan sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Bukit Payung, Marang.

Namun menurutnya, dia dan rakannya itu terpaksa berpindah mata selepas hampir 1,000 pokok cili rosak dan mati dimakan kulat.

"Ketika awal penglibatan dalam perusahaan tanaman cili, kami disindir dan dipandang serong oleh orang sekeliling termasuk rakan-rakan tetapi kami tidak ambil hati.



WAN Mohammad Afiq Wan Zainalabidin (depan) dan Mohamad Nafis Ahmad meninjau tanaman cili fertigasi yang diusahakan di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI

"Kemudahan tanaman itu membuatkan kami terduduk sebelum bangkit dan nekad memulakan semula penanaman pokok cili di tanah berkeluasan 0.3 hektar di Kampung Bukit Bayas, di sini September lalu.

"Selain belajar daripada pengusaha tanaman berpengalamaan, kami turut memanfaatkan media sosial seperti YouTube dan Facebook sebagai bahan rujukan. Kira-kira 1,300 pokok cili ditanam di dalam 'polybag' dan pemantauan sentiasa dilakukan bagi memastikan serangan kulat tidak berulang dan akhirnya membuahkan hasil.

"Selepas sebulan, lebih 600 kilogram (kg) cili berjaya dipetik dan dijual kepada pemborong,

pasar raya, pengusaha restoran dan penduduk sekitar," jelasnya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, menurut Wan Mohammad Afiq, dia terpaksa menangguhkan pengajian Sains Sukan di sebuah universiti bagi memberi tumpuan penuh kepada perusahaan itu.

Menurutnya, langkah tersebut dianggap berbaloi selepas melihat hasil daripada penanaman pokok cili bersama rakannya itu mula memberi pulangan lumayan.

"Kami memulakan tanaman cili itu menggunakan benih jenis 'Sakata' daripada Jepun malah sudah berjaya dipetik secara berperingkat untuk dipasarkan.

"Cili berkenaan dijual mengikut kred iaitu antara RM10 sehingga RM12 untuk harga borong manakala RM12 sehingga RM15 sekilogram untuk harga runcit.

"Dijangkakan hasil cili yang diusahakan ini boleh melebihi satu tan metrik. Kami sangat bersyukur usaha ini nampaknya semakin berjaya dan berhasrat memembusi pasaran luar," katanya.



ZULKAFLY terpaksa membari telur di pasaraya besar untuk mendapatkan bekalan. Gambar NSTP/RISELAN AB MALEK

Ohh Roselan Ab Malek ani@hmetro.com.my

Berjalan jauh, pulang hampa

ISU BEKALAN TELUR JEJASKAN PENIAGA

Peniaga di daerah ini semakin resah dengan isu kekurangan telur yang seolah-olah tiada berpenghujung sejak empat bulan lalu.

Isi dalam stia menjajaikan peniaga di kawasan pekan, malah peniaga kedai runcit di kampung selain pihak yang terlibat dengan perniagaan makanan serta kuli muih.

Pemilik kedai runcit di Kerdu, Zulkafly Bamly, 41, rusaha untuk mendapat bekalan telur di pasar raya namun ia terhad untuk tiga pekan sahaja.

"Jika tidak juga, saya terpaksa ke Miran, jerantut atau pengka untuk mendapatkan telur namun ada ka-lanya saya pulang hampa. Saya terpaksa membuat demikan kerana setiap minggu, saya perlu mem-bekalkan 40 papan telur ke kantin sekolah dan kedai makan," katanya.

Zulkafly berkata, pem-bekal telur pula hanya mem-

atau kedai runcit mana yang mempunyai bekalan telur.

"Sedemikian, jika tidak di sebarang pasar raya, saya akan ke pasar raya atau ke- dal runcit lain dan biasanya memang akan memperoleh bekalan. Namun kali ini, ia memang sukar untuk men-dapatkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Ca-wangan Kementerian Per-dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Temerloh Ab-dul Rozak Yahya berkata, permintaan meningkat berbanding pengeluar telur ayam yang semakin berkurang.

"Ini kerana ramai per-telak dan peladang yang semakin kurang beroperasi kerana dimaklumkan ke-

untung yang diterima ti-dak tinggi dan tidak dapat menampung kos untuk memternak ayam.

"Dimaklumkan juga, penernak tidak mahir me-nanggung risiko untuk memternak kerana musim banjir bakal melanda tidak lama lagi," katanya.

Katanya, beberapa pem-borong di Melaka, Muhi menerima tempahan, tera-pi terpaksa mengurangkan kuantiti yang diterima.

"Pengguna dinasihat membuat pembelian secara biasa dan dalam kuantiti yang diperlukan sahaja. Sekiranya pengguna membuat pembelian secara pakik dengan kuantiti yang banyak, ia akan me-nyebabkan gangguan ran-dam bekalan setempat," katanya.

lokal

Terpaksa catu penjualan telur



Kuala Berang: Penjualan telur ayam terpaksa dicatu berikutan bekalan sumber protein berkenaan sukar di-peroleh di pasaran sejak ke-belakangan ini.

Timbalan Menteri Kemem-terian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Peng-guna (KPDNHEP) Damk Ro-sol Wahid berkata, penjualan telur kini terpaksa dihentikan kepada pengguna berikutan kekurangan bekalan.

Menurutnya, permintaan oleh KPDNHEP mendapati bekalan kekurangan telur dalam pasaran dan pihaknya sudah memaklumkan me-negenai kekurangan itu ke-pada Kementerian Pertani-an dan Industri Makanan (Mafi).

"Mafi memberitahu telur mencukupi namun hakik-nya, bekalan telur sukar di-peroleh dan sebagai contoh, kita dapat melihat hanya se-papan telur dijual kepada pengguna dalam kartrival yang berlangsung hari ini (semalam)."

"Dalam konteks ini, bu-kan hanya pengguna yang terjejas, malah peniaga ma-kaman amat terkesan berikutan kekurangan bekalan telur selain sukar diperolehi".

Rosol sil tinjauan KPDNHEP men-dapati, bekalan telur berku-rangan.

"Oleh itu, tindakan drastik perlu diambil," katanya. "Tambahnya, telur tidak bersubsidi sudah diperolehi di pasaran namun harganya sedikit mahal berbanding telur biasa.

Mengulas mengenai Prog-ram Jualan Keluarga Mala-ysia (PKJM) beliau berkata, sejak diperkenalkan hingga minggu ke tiga Oktober lalu, jualan keseluruhan PKJM merokodkan RM60.22 juta membabitkan 699 sesi di se-luruh negara.

"Melalui PKJM, harga yang ditawarkan lebih rendah lai- tu antara 20 hingga 30 pe-ratus daripada harga pasa-ran dan setiap Dewan Un-daung Negeri (Dun) me-laksanakan PKJM ini dua kali sebulan," katanya.

Jualan telur terpaksa 'dicatu'



Rosol melawat gerai jualan pada Program Advokasi Kepenggunaan Dan Jualan Keluarga Malaysia, di Kuala Berang, semalam. (Foto Nazdy Harun/BH)

Kementerian diharap segera atasi kekurangan bekalan di pasaran

Oleh Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Penjualan telur ketika ini terpaksa dihadkan kepada pengguna berikutan kekurangan bekalan di dalam pasaran sejak kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, pemantauan oleh KPDNHEP mendapati berlaku kekurangan telur dalam pasaran dan pihaknya sudah memaklumkan mengenai kekurangan itu kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"MAFI memaklumkan bahawa bekalan telur mencukupi, namun hakikatnya ia sukar diperoleh dan sebagai contoh kita dapat melihat hanya seapan telur dijual kepada pengguna dalam karutival yang berlangsung ini (semalam).

"Ia bukan hanya pengguna yang terjejas, malah peniaga makanan amat terkesan berikutan kekurangan bekalan telur, selain sukar diperoleh," katanya ketika ditemui selepas Program Advokasi Kepenggunaan Dan Jualan Keluarga Malaysia, di Dewan Si-

vik Ajil, Kampung Bukit Perah, di sini, semalam.

Beliau berkata, KPDNHEP berharap MAFI dapat menyelesaikan dengan segera permasalahan membabitkan bekalan telur di pasaran yang sudah berlautan beberapa bulan kebelakangan ini.

Telur tidak bersubsidi mahal

Katanya, satu tindakan drastik perlu dilakukan berikutan maklum balas kontra yang diperoleh lalu MAFI memberitahu bekalan telur mencukupi, namun hasil tinjauan KPDNHEP mendapati bekalan telur berkurangan.

"Telur tidak bersubsidi mudah diperoleh di pasaran, namun harganya sedikit mahal berbanding telur biasa yang bersubsidi yang sukar diperoleh dan jualan terpaksa dicanangkan," katanya.

Mengulas mengenai Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) beliau berkata, sejak diperkenalkan hingga minggu ketiga bulan lalu, jualan keseluruhan PJKM sebanyak RM60.22 juta membabitkan 639 sesi di seluruh negara.

"Melalui PJKM harga yang ditawarkan lebih rendah antara 20 hingga 30 peratus daripada harga pasaran biasa dan setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dilihat melaksanakan PJKM ini sebanyak dua kali sebulan," katanya. Justeru, beliau menggesa Pasukan Khas Jihad Tangani Infeksi (PKJTI) harus lebih agresif dalam menangani permasalahan ini bagi meringankan beban pengguna khususnya.

Program Jualan Keluarga Malaysia hadkan satu papan bagi setiap pelanggan

Krisis bekalan telur semakin serius

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

HULU TERENGGANU - Isu kekurangan telur ayam di pasaran masih gagal ditatasi sehingga catuan terpaksa dilakukan peniaga di kawasan-kawasan terkesan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, catuan telur ayam bukan sahaja berlaku di kedai runcit dan pasar raya malah program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM).

"Kita terpaksa menghadkan satu papan telur ayam bagi setiap pelanggan bagi program PKJM peringkat Hulu Terengganu selama tiga hari bermula hari ini (semalam).

"Ja bagi memastikan telur ayam yang dijual pada harga 30 peratus lebih murah daripada

pasaran ini dapat dinikmati seramai mungkin pengguna," katanya selepas merasmikan program Advokasi Kepenggunaan dan RJKM di Dewan Sivik Ajil di sini semalam.

Rosol mengakui pemeriksaan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapati bekalan telur ayam gred A, B dan C bersubsidi masih kurang di pasaran.

"Begitupun, saya akui bekalan telur premium yang lebih mahal masih stabil, namun kebanyakan pengguna termasuk golongan peniaga menggunakan telur gred A, B dan C bersubsidi bagi menjimatkan kos.

"Kekurangan bekalan telur ayam itu telah dimaklumkan kepada kementerian terlibat dan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi," katanya.



ORANG ramai hanya dibenarkan untuk membeli sepapan telur bagi memberi peluang semua pihak merasai harga diskaun ketika mengunjungi PKJM di Hulu Terengganu semalam.



TELUR pecah kini menjadi buruan pengusaha kek, kuih dan biskut kerana sukar untuk mendapatkan telur elok di pasaran. - GAMBAR HIASAN

Telur pecah jadi buruan tauke kek

GEORGE TOWN - Krisis bekalan telur ayam yang sedang melanda negara ketika ini membuatkan permintaan telur pecah melambung terutama dalam kalangan pengusaha kek, biskut dan kuih di negeri ini.

Pembekal telur yang ingin dikenali sebagai Faizal, 45, berkata, telur pecah kini menjadi buruan meskipun dia sudah menghentikan tempahan daripada pengusaha-pengusaha terbabit.

Katanya, kesukaran untuk memperoleh bekalan telur ayam bagi kesemua gred di peringkat ladang menjadi faktor utama dia

menghentikan pengedaran kepada para pengusaha kek di kawasan pulau negeri ini.

"Ramai pengusaha kek, biskut dan kuih kini mencari stok telur ayam pecah tetapi saya tidak dapat tunaikan permintaan mereka kerana kesemua telur ayam yang diperolehi kini berada dalam keadaan baik.

"Selalunya, bekalan telur ayam pecah berlaku di peringkat pembekal disebabkan bilangannya yang banyak serta kedudukan bekasnya yang rapat dan padat semasa diletakkan di atas lori," katanya kepada Kosmo! di

sini semalam.

Menurut Faizal, dia terpaksa mengutamakan peniaga pasar runcit di pasar awam, pasar mini dan pasar raya berikutan berdepan kekurangan masalah bekalan sehingga 70 peratus ketika ini.

"Dahulu, memang saya lebih utamakan pelanggan isi rumah di pasar awam tetapi sekarang ini, pengedaran terpaksa dibuat mengikut jumlah yang sama rata dan secara bergilir kepada semua pelanggan tetap supaya semua orang dapat bekalan telur," tambahanya.